

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR**
[POKOK SENA - PAS]

TARIKH : **19 OKTOBER 2016 (RABU)**

42

SOALAN (NO. 26)

Minta **Menteri Belia dan Sukan** menyatakan:

- a) adakah Kementerian telah diaudit oleh pasukan siasatan bebas bagi menjalankan pengauditan forensik ke atas Kementerian dan agensi di bawahnya selepas kejadian sindiket seleweng dana lebih RM100 juta di bawah Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara; dan
- b) apakah hasil penemuan siasatan dan tindakan oleh Kementerian.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, individu yang terbabit telah didakwa di mahkamah dengan 15 pertuduhan Menyalahgunakan Kedudukan dan 17 pertuduhan Mengemukakan Tuntutan Palsu, iaitu seksyen 18 dan 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang masing-masing melibatkan amaun RM 36.183 juta dan RM 2.161 juta.
2. Di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 pula, individu yang terbabit menghadapi 64 pertuduhan melibatkan jumlah RM16.623 juta.
3. Selain itu, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah diaudit oleh Jabatan Audit Negara (JAN) di mana Laporan Pengauditan Khas Terhadap Kelemahan Prosedur Kewangan KBS telah dikeluarkan oleh JAN pada bulan April 2016.
4. Laporan tersebut merumuskan bahawa pada umumnya, **kelemahan kawalan dalaman proses kewangan** di Kementerian Belia dan Sukan (KBS) **dan tadbir urus yang kurang berkesan** telah memberi ruang dan peluang kepada pegawai yang terlibat untuk menyalahgunakan kedudukan jawatannya sebagai Setiausaha Bahagian Kewangan bagi kepentingan peribadi.

5. Kelemahan kawalan dalaman proses kewangan dari aspek agihan peruntukan dan pembayaran adalah disebabkan antaranya oleh ketiadaan pengasingan dan pusingan tugas; kelemahan pengurusan geran dan ketidakpatuhan kepada prosedur pembayaran.

6. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam Laporan Pengauditan Khas tersebut, KBS telah mengambil tindakan penambahbaikan di dalam pengurusan kewangan terutamanya dalam pengurusan kewangan Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara. Antara tindakan penambahbaikan yang telah dan sedang diambil oleh KBS adalah seperti berikut:
 - a) **Memperkukuhkan kawalan dalaman** pengurusan kewangan di KBS dengan menubuhkan **Jawatankuasa Tertinggi Pengurusan Kewangan (JTPK)** yang **dipengerusikan sendiri oleh Menteri Belia dan Sukan**. Mesyuarat pertama JTPK telah diadakan pada bulan September 2016 yang lalu bagi memantau pengurusan kewangan KBS termasuk Agensi di bawahnya. Agenda mesyuarat adalah membincangkan secara keseluruhan pengurusan kewangan, prestasi perbelanjaan serta kaedah-kaedah perolehan agar mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan. Selain itu, penegasan kepada semua pegawai KBS mengenai pengurusan kewangan agar tindakan yang dilaksanakan sentiasa mematuhi peraturan yang berkuatkuasa, berintegriti dalam melaksanakan tugas dan memastikan terdapat teguran-audit tidak berulang.

- b) **Mempertingkatkan pengurusan kewangan Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara (KWASN)** dengan membuat penambahan kepada Ahli Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kewangan telah meluluskan penambahan Ketua Akauntan KBS sebagai Ahli Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara yang baharu. Pihak KBS percaya penambahbaikan ini akan membolehkan pengurusan kewangan Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara akan lebih tersusun.
- c) Selain itu, KBS juga telah memastikan agar setiap peruntukan Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah.
- d) Sebagai tambahan, sebarang surat kepada Agensi di bawah KBS bagi tujuan penyaluran peruntukan atau arahan pembayaran yang menggunakan peruntukan Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara perlu ditandatangani sendiri oleh Pegawai Pengawal KBS.
- e) Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah juga telah menetapkan agar setiap Agensi di bawah KBS yang menerima peruntukan Kumpulan Wang Amanah Sukan diminta untuk **membuat perakuan** penerimaan peruntukan berkenaan dan perlu **membentangkan prestasi perbelanjaan** di dalam mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah.

- f) Bagi memberikan garis panduan yang jelas, KBS juga telah menyediakan **Manual Prosedur Kerja (*Standard Operating Procedure*)** Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara.

- g) Lain-lain tindakan yang telah dilaksanakan adalah di mana semua ahli Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara dikehendaki menandatangani ***Integrity Pact*** pada setiap kali mesyuarat diadakan.

Sekian, terima kasih.